

CNS4106

R GB 15-04 00165 BA422

bah

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA SEBENARNYA INGIN NIKMATI HIDUP LEBIH SEDAP.

Mahathir - Buruh

MELAKA, 15 April (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tempatan yang berusaha supaya Malaysia disingkirkan daripada menyertai persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) merupakan golongan yang ingin menikmati hidup lebih +sedap+ daripada kedudukan mereka dalam kesatuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka ini berminat menjadi pemimpin kesatuan sekerja untuk menggunakan wang yuran yang dibayar oleh para pekerja yang diwakili mereka untuk berjalan.

Katanya, terdapat kira-kira 120,000 pekerja kilang elektronik dan sekiranya mereka membayar yuran \$1 sebulan bermakna kesatuan memperoleh \$120,000 setiap bulan.

+Kerana hendakkan \$120,000... negara nak disingkirkan,+ katanya semasa berucap merasmikan bangunan Graha Makmur iaitu bangunan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah di Air Keroh di sini.

Laporan akhbar hari ini menyatakan kerajaan menyedari terdapat kesatuan sekerja negara ini yang berusaha mendapatkan sokongan daripada Persekutuan Pekerja-pekerja Logam Antarabangsa untuk menggantung Malaysia daripada menyertai persidangan ILO. -- Lagi.

▼15/04/19-43MST

R GB 15-04 00152 BA423

bah

Mahathir - Buruh 2 Melaka

Dr Mahathir berkata, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang menghasut para pekerja supaya mengadakan mogok dan seumpamanya sebenarnya tidak pernah berusaha mewujudkan peluang pekerjaan di negara ini.

Tetapi apabila telah wujud pekerjaan dan terdapat pekerja, mereka berminat menjadi pemimpin kesatuan sehingga ada yang sanggup mendesak ILO supaya menyingkirkan Malaysia daripada ILO, katanya.

Perdana Menteri berkata, peluang pekerjaan diwujudkan oleh kerajaan dengan menghantar rombongan ke luar negara untuk menarik pelabur ke negara ini selain memberikan insentif kepada mereka.

Katanya, peluang pekerjaan di negara ini akan terus bertambah kerana kepercayaan pelabur asing di atas kestabilan negara, dan selagi para pekerja tidak bertindak melakukan mogok atau seumpamanya yang boleh mengubah iklim pelaburan.

Beliau berkata, apabila peluang pekerjaan bertambah berbanding dengan tenaga pekerja yang semakin kurang, maka para majikan akan menaikkan upah untuk bekerja di kilang-kilang mereka. -- Lagi.

▼15/04/19-45MST

CNS4159

U GB 15-04 00137 BH796

Bah

Mahathir - Buruh 3 Melaka

Apabila gaji meningkat, kemudahan yang lebih banyak dan lebih selesa boleh diwujudkan oleh kerajaan melalui pembayaran cukai yang juga akan meningkat, katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia mengambil pekerja asing yang sehingga kini berjumlah kira-kira 7,000 orang untuk berkerja di negara ini kerana kekurangan pekerja.

Katanya, di Malaysia kini tidak ada pengangguran kerana mengikut tafsiran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pengangguran ditahap empat peratus dianggap tiada pengangguran kerana dalam mana-mana masyarakat mesti ada yang tidak hendak bekerja.

Bilangan rakyat negara ini yang berhijrah ke luar negara untuk bekerja juga adalah sedikit, katanya.

Pada majlis itu, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik memberikan anugerah +Warga Terhormat+ kepada Perdana Menteri kerana kejayaan Dr Mahathir memimpin negara sehingga dikenali di peringkat antarabangsa. -- Lagi

▼15/04/21-08MST

CNS4160

U GB 15-04 00119 BH797

Bah

Mahathir - Buruh 4 (Akhir) Melaka

Dr Mahathir turut memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada 30 pekerja Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah dan melancarkan buku bertajuk +Melaka-The Historic City of Malaysia.+

Buku setebal 172 muka surat itu ialah mengenai sejarah penubuhan dan kemajuan negeri Melaka. Ia diterbitkan oleh Malaysia Mining Corporation Berhad.

Yang turut serta ialah Menteri Perumahan dan Kerjiaan Tempatan, Dr Ting Chew Peh, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Ketua Menteri Melaka, Puan Sri Hajah Zabedah Abdullah.

Bangunan Graha Makmur berharga kira-kira \$20 juta itu dibina mengikut rekabentuk istana ~~kebangsaan Melaka~~ ~~yang~~ ~~mempersembahkan~~ ~~kegemilangan~~ dan kecemerlangan bangsa. -- Bernama

▼15/04/21-09MST